

PPROGRAM GAP YEAR (UMUM) UNIVERSITI MALAYA

Program *Gap Year* telah diumumkan semasa Majlis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2017 bagi memenuhi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM(PT) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. Program Gap Year akan dilaksanakan dalam jangka masa setahun untuk pelajar membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan, keusahawanan, bersukan dan sebagainya. Terdapat tiga bentuk program Gap Year yang ditawarkan iaitu : (1) *Gap Year* - Kesukarelawanan Khidmat Negara, (2) *Gap Year* - Kesukarelawanan; dan (3) *Gap Year* - Umum. Pelajar yang berminat boleh merujuk kepada Garis Panduan Program Gap Year seperti yang terlampir. Termasuklah Borang Permohonan ([Lampiran 1](#)) dan Format Kertas Kerja Program Gap Year (Lampiran 2). Untuk maklumat lanjut mengenai Program Gap Year ini, pelajar bolehlah menghubungi atau merujuk dengan: En Hirman Awang Ketua Seksyen Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni Aras 2, Blok E Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya Tel: [03-79673508](tel:03-79673508) Emel: hirman@um.edu.my